


# Modul 3 : Panduan Pengguna AT Dalam Sistem OSC Online

Jabatan Kerajaan Tempatan

Kementerian Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan



Versi 5 April 2011



## Modul 3 : AT Dalaman

### Isi Kandungan

|            |   |      |
|------------|---|------|
| 1.0        | <b>Pengenalan</b> .....   | 3    |
| 2.0        | Akses Sistem <b>OSC Online</b> .....                                  | 7    |
| 3.0        | Sistem <b>e Pemprosesan</b> .....                                     | 12   |
| 3.1        | <b>e Proses Permohonan</b> .....                                      | 13   |
| 3.1.1      | Terima Permohonan .....   | 15   |
| 3.1.2      | Semakan Senarai Semak Terperinci. <b>Error! Bookmark not defined.</b> |      |
| 3.1.3      | Maklumbalas Kepada PSP/SP .....                                       | 37   |
| 3.1.4      | Edaran untuk Ulasan Agensi Teknikal Dalaman Lain .....                | 25   |
| 3.1.5      | Edaran untuk Lawatan Tapak .....                                      | 27   |
| 3.1.6      | Lawatan Tapak .....   | 39   |
| 3.1.7      | Ulasan AT Dalaman..... <b>Error! Bookmark not defined.</b>            |      |
| 3.1.8      | Kompilasi Ulasan dan Laporan .....                                    | 72   |
| 3.1.9      | Penyediaan Kertas Kerja .....   | 87   |
| 3.2        | <b>e Proses Permintaan</b> .....                                      | 91   |
| 4.1        | Maklumbalas <b>e Aduan</b> .....                                      | 96   |
| 4.2        | Maklumbalas <b>e Pertanyaan</b> .....                                 | 99   |
| 5.0        | <b>Projek/Permohonan</b> .....  | 102  |
| 5.1        | Profil Terperinci Projek .....  | 106  |
| 5.2        | Maklumat Permohonan .....   | 109  |
| 6.0        | <b>PSP/SP</b> .....   | 111  |
| 7.0        | <b>Mesej</b> .....  | 112  |
| Jadual Ai  | Tugasan memproses AT Dalaman.....                                     | 1196 |
| Jadual Aii | Tugasan mengulas AT Luaran .....                                      | 1197 |

## **1.0 Pengenalan**

### **1.1 Platform Untuk Semua**

Selamat Datang ke Sistem OSC Online! Sistem ini adalah suatu sistem yang direka untuk pengguna berkomunikasi, memproses serahan permohonan dan memproses permohonan untuk kawalan pemajuan (development control) secara online sepenuhnya. Dalam kata lain, ianya adalah satu platform untuk semua pengguna seperti dibawah :-

- i) Orang Awam,
- ii) Principal Submitting Person/Submitting Person (PSP/SP),
- iii) Urusetia OSC,
- iv) Agensi Teknikal Dalaman ( AT Dalaman ),
- v) Agensi Teknikal Luaran ( AT Luaran ), dan
- vi) Jawatankuasa OSC.

Ianya disediakan di dalam platform Java yang mempunyai ciri-ciri pelbagai fungsi dan berintegrasi. Panduan ini adalah salah sebuah siri-siri panduan untuk rujukan oleh Pengguna Agensi Teknikal Dalaman. Panduan-Panduan lain adalah Panduan Rujukan untuk Orang Awam, PSP/SP, Urusetia OSC, AT Luaran, Jawatankuasa OSC dan juga Pentadbir Sistem.

### **1.2 Komponen Sistem OSC Online**

Sistem OSC Online ini membolehkan pengguna Sistem OSC Online untuk melaksanakan tugas dalam bentuk elektronik dan dalam talian seperti peringat-peringkat yang dinyatakan dibawah: -

1. Penyerahan permohonan,
2. Memproses Permohonan,
3. Penyediaan Kertas Perakuan,
4. Penyediaan Kertas Perkuan, dan
5. Menyelaras Mesyuarat OSC

Peringkat 1 dilaksanakan oleh PSP/SP, Peringkat 2 dan 5 akan dibincangkan di rujukan Urusetia OSC Online dan peringkat 2, 3 dan 4 akan dibincangkan di dalam rujukan AT Dalaman dan Peringkat 2 akan dibincangkan di dalam rujukan AT Luaran.

### Modul 3 : AT Dalaman

Termasuk dalam sistem **OSC Online** ini adalah sistem-sistem seperti dibawah:-

A) **e Penyerahan** yang terdiri dari :-

- i) **e Penyerahan.** Ini adalah sistem untuk menyerah semua jenis permohonan berkenaan dengan Kawalan Pemajuan ( Development Control ) untuk PSP/SP.
- ii) **e Pemprosesan.** Ini adalah sistem untuk memprosesan semua jenis perkhidmatan berkenaan dengan Kawalan Pemajuan ( Development Control ) untuk Urusetia OSC, AT Dalaman, AT Luaran dan Jawatankuasa OSC.
- iii) **e Komunikasi** sebagai suatu platform komunikasi untuk pengguna-pengguna seperti Orang Awam, PSP/SP. Antara perkhidmatan tersebut adalah e Rujukan, e Panduan, e Tanya , e Aduan, e Kad Laporan dan e Pembayaran.
- iv) **e Pemantauan** untuk Urusetia OSC, AT Dalaman dan AT Luaran melihat dan memantau perkembangan permohonan dan pendaftaran; dan juga maklumbalas untuk pertanyaan, aduan dan pembayaran

B) Untuk menyenangkan penerangan untuk latihan dan penggunaan, sistem diatas telah diasingkan untuk kegunaan 6 kumpulan pengguna iaitu :-

1. Untuk PSP/SP, adalah **Sistem e Penyerahan** untuk mereka melakukan permohonan dan permintaan untuk **PSP/SP** dan **sistem sokongan** sebagai sistem sokongan untuk e rujukan, e panduan, e pertanyaan, dan e aduan untuk melaksanakan tugas Peringkat 1 seperti diatas.
2. Untuk Orang Awam, adalah **Sistem Sokongan e penyerahan** untuk e rujukan, e panduan, e pertanyaan, maklumbalas dan aduan **Orang Awam**.
3. Untuk Urusetia OSC adalah Sistem **e-Urusetia OSC** untuk melaksanakan tugas Peringkat 2 dan 5 diatas.
4. Untuk AT Dalaman adalah **e-Agensi Teknikal Dalaman** untuk melaksanakan Peringkat 3 dan 4 diatas.
5. Untuk AT Luaran, **e-Agensi Teknikal Luaran untuk** melaksanakan tugas Peringkat 2 diatas.
6. Untuk ahli Jawatankuasa Mesyuarat OSC, e Jawatankuasa OSC untuk

melaksanakan tugas Peringkat 5 diatas.

### 1.3 Mengenai Panduan Ini dan e Rujukan

Panduan Sistem **OSC Online** ini adalah suatu panduan yang lengkap kepada pengguna untuk mempelajari setiap proses dalam Sistem **OSC Online**. Ini adalah versi kelima setelah penambahbaikan terhadap Sistem **OSC Online** sendiri memerlukan penambahbaikan terhadap rujukan ini. Disamping itu terdapat ciri-ciri Langkah-Langkah tambahan Proses Online yang telah di terangkan ( highlighted ).

Tambahan kepada Panduan ini, Sistem e Rujukan juga akan disediakan di Portal **OSC Online** PBT. Sila rujuk pada siri Manual Rujukan untuk Orang Awam atau PSP/SP untuk mendapatkan akses untuk sistem ini.

### 1.4 Penggunaan Panduan Ini

Anda boleh membacanya secara menyeluruh sebagai sebuah buku untuk mengendalikan sistem ini, mungkin pada peringkat permulaan dan seterusnya sebagai rujukan dengan mencari bahan-bahan yang anda inginkan dengan membaca rujukan tajuk-tajuk yang diinginkan.

Sekiranya anda melihat e Rujukan, secara online, hubungan akan berada di dalam sistem untuk layaran yang cepat melalui tajuk-tajuk yang ada. Untuk mereka yang lebih gemar untuk mencetak dan membaca salinan “hardcopy”, sila rujuk kepada isi kandungan untuk mencari tajuk yang ingin dilihat. Untuk membuat rujukan ini lebih senang difahami disepanjang rujukan, terdapat simbol-simbol seperti dibawah.

Modul 3 : AT Dalaman

### Penerangan Simbol

**Bold** di dalam perenggan adalah **arahan**, **butang**, **ilustrasi** atau **parameter** yang perlu diisi.

**Proses Online** adalah untuk rujukan langkah yang perlu dibuat ( contoh dibawah ).

#### Proses Online ( 2.0 ) : Akses

- i) **Klik** ikon Internet Explorer atau Mozilla Firefox di PC
- ii) **Taipkan nama PBT**, dapatkan url PBT dan klik url tersebut. Tunggu untuk skrin seperti diatas, **ilustrasi 1**.
- iii) **Klik** pautan **OSC Online** dan Skrin **ilustrasi 2** akan dipapar.

**Nota** adalah panduan tambahan untuk pengguna.

**Nota** : Nombor dari ruangan navigasi **ID Projek** akan bertukar dari warna biru ke warna merah jika ID Projek tersebut pernah dilihat sebelum ini.

## 2.0 Akses Sistem OSC Online

Akses untuk Sistem **OSC Online** boleh dicapai dengan mengakses laman web utama elektronik PBT melalui carian perisian Internet Explorer atau Mozilla Firefox. Klik pada url PBT dan klik pada link **OSC Online**.

*Ilustrasi 1: Akses Sistem*



### Proses Online ( 2.0 ) : Akses

- i) **Klik** ikon Internet Explorer atau Mozilla Firefox di PC
- ii) **Taipkan nama PBT**, dapatkan url PBT dan klik url tersebut. Tunggu untuk skrin seperti diatas, **ilustrasi 1**.
- iii) **Klik** pautan **OSC Online** dan Skrin **ilustrasi 2** akan dipapar.

### Modul 3 : AT Dalam

Setelah itu anda akan mendapat akses untuk **OSC Online**, ilustrasi seperti diilustrasi dibawah akan tertera. Tekan pautan **OSC e-Pemprosesan** untuk mendapatkan akses untuk e-Pemprosesasn.



*Ilustrasi 2 : Skrin Menu Utama Perkhidmatan*

- Proses Online (2.0): Akses**
- Klik** pada pautan **e-Pemprosesan** untuk mendapatkan e-Pemprosesan.



## 2.2 Log Masuk

Log Masuk ke Sistem e **Agensi Teknikal Dalaman** menggunakan Nama Pengguna dan Kata Laluan anda di Skrin Log Masuk seperti **Ilustrasi 2a** . Nama Pengguna dan Kata Laluan anda akan diberi oleh Pentadbir System.

Nama Pengguna akan di tag dengan yang berkenaan dan tanggungjawab-tanggungjawab yang ditentukan. Kata Laluan yang betul di Log masuk akan memaparkan Skrin anda dan anda hanya boleh mengakses tab untuk Agensi anda. Sila beri tahu kepada Pengurus Sistem sekiranya akses diberi untuk Agensi lain.

*Ilustrasi 2a: Login untuk AT Dalaman*



OSC ONLINE

Sistem Web Rasmi e-Pemprosesan

KUANTAN

Urusetia OSC AT Dalaman AT Luaran Jawatankuasa OSC Jawatankuasa Teknikal Pentadbiran Sistem

Log Masuk

Login

Log Masuk

Nama Pengguna

Kata Laluan

Login

\*\* Paparan terbaik menggunakan Mozilla Firefox v.3 ke atas serta resolusi melebihi 1024 x 768 pixel \*\*  
 Content Copyright © Ministry of Housing and Local Government. All rights reserved.  
 System Copyright © YES Enviro Management Sdn. Bhd. All rights reserved worldwide. [Bantuan/Helpdesk](#)

### Proses Online ( 2.2 )

- i. **Klik** Ruang **Nama Pengguna** dan **Taipkan** nama anda
- ii. **Klik** Ruang **Kata Laluan** dan **Taipkan** kata laluan anda
- iii. **Klik** Butang **Login** atau **Enter** di papankekunci.

## 2.3 Menu Utama

Sistem untuk e AT Dalaman akan memaparkan pilihan-pilihan tugas seperti di ilustrasi 3 dibawah. Pengguna Agensi Teknikal Dalaman akan dibolehkan untuk mengakses tab AT Dalaman sahaja. Setelah pengguna memasukkan nama pengguna dan kata laluan yang sah, **ilustrasi 3** seperti di bawah akan dipaparkan. Ini adalah menu utama AT Dalaman. Terdapat Sembilan pilihan iaitu :-

- i) **e-Permohonan** untuk melihat senarai permohonan bagi peringkat 2 untuk Semakan Pertama.
- ii) **e-Permintaan perkhidmatan** untuk melihat senarai permintaan
- iii) **Mesej Baru**
- iv) **Ulasan AT Dalaman** untuk mengulas permohonan jabatan lain, dan
- v) **Lawatan Tapak** untuk memuat naik Laporan Lawatan tapak.
- vi) **Maklumbalas e Pertanyaan** untuk maklumbalas e pertanyaan.
- vii) **Maklumbalas e Aduan** untuk maklumbalas e aduan.
- viii) **Kronologi Pendaftaran Projek dan Permohonan**
- ix) **Projek/Permohonan** untuk menyemak maklumat terperinci.
- x) **PSP/SP** untuk menyemak maklumat PSP/SP
- xi) **e-Rujukan** sebagai panduan kepada AT Dalaman

*Ilustrasi 3: Menu Utama Agensi Teknikal Dalaman*



### Proses Online ( 2.3 )

- i. **Klik** pautan **e Permohonan** untuk melakukan tugas semakan pematuhan untuk permohonan
- ii. **Klik** pautan **e Permintaan Perkhidmatan** untuk melakukan tugas semakan pematuhan untuk permintaan seperti ditajuk 4.0
- iii. **Klik** pautan **Mesej** untuk membaca mesej yang dihantar seperti di tajuk 7.0.
- iv. **Klik** pautan **Ulasan AT Dalaman** untuk melakukan tugas semakan dan ulasan untuk Jabatan Lain seperti di tajuk 3.1.7
- v. **Klik** pautan **Lawatan tapak** untuk melakukan tugas memuat naik Laporan Lawatan Tapak seperti di item 3.1.5.
- vi. **Klik** pautan **Maklumbalas e Pertanyaan** untuk membuat maklumbalas kepada e pertanyaan seperti di item 4.1.
- vii. **Klik** pautan **Maklumbalas e Aduan** untuk membuat maklumbalas kepada e aduan seperti di item 4.2.
- viii. **Klik** pautan **Kronologi Pendaftaran Projek dan Permohonan** untuk membuat rujukan pendaftaran projek dan permohonan.
- ix. **Klik** pautan **Projek/Permohonan** untuk menyemak maklumat-maklumat terperinci projek dan permohonan seperti di item 5.0
- x. **Klik** pautan **PSP/SP** untuk melakukan semakan maklumat PSP/SP seperti di item 6.0.
- xi. **Klik** pautan **e-Rujukan** untuk bahan-bahan rujukan dalaman untuk membuat semakan pematuhan/penilaian permohonan.

### 3.0 Sistem e Pemprosesan

#### 3.0.1 Gambaran Keseluruhan

Sistem ini adalah sebuah sistem secara menyeluruh memproses perkhidmatan untuk menerima permintaan perkhidmatan, menyemak senarai semak perkhidmatan, mengedarkan serahan untuk ulasan (sekiranya perlu), maklumbalas kepada PSP/SP, menyediakan kertas kerja untuk mesyuarat dan menyelaraskan mesyuarat OSC

e-Permintaan Perkhidmatan mempunyai kaedah-kaedah yang sama yang tidak disenaraikan di sini kerana bergantung kepada penggunaan PBT sendiri untuk permintaan-permintaan yang disenarai di dalam e-Permintaan Perkhidmatan **OSC Online**.

Sistem ini merupakan “back end” untuk **Sistem e Penyerahan** yang dibuka untuk PSP/SP untuk membuat permohonan dan permintaan untuk Kawalan Pemajuan. Selepas PSP/SP selesai membuat penghantaran permohonan atau permintaan, **Sistem e-Pemprosesan** akan mengambil alih tugas untuk melakukan **Penerimaan dan Pemprosesan** sehingga ke tahap kelulusan permohonan atau permintaan mengikut kaedah diatas.

e-Pemprosesan dilakukan oleh **3 pengguna** dalam sistem ini iaitu :-

1. Urusetia OSC akan membuat penerimaan perkhidmatan, membuat semakan dokumen dan mengedarkan kepada Agensi Teknikal Dalaman dan Agensi Teknikal Luaran. Sistem ini dinamakan sistem **e-Urusetia OSC**.
2. Agensi Teknikal Dalaman akan menerima perkhidmatan dan memproses permohonan/permintaan. Sistem ini dinamakan sistem **e Agensi Teknikal Dalaman**.
3. Agensi Teknikal Luaran akan menerima perkhidmatan dan mengulas permohonan/permintaan. Sistem ini dinamakan sistem **e Agensi Teknikal Luaran**.

### 3.0.2 Mengenai Sistem e Agensi Teknikal Dalaman Ini

Sistem ini adalah suatu sistem yang direka untuk memproses penerimaan perkhidmatan diperingkat AT Dalaman, memproses secara terperinci perkhidmatan, dan maklumbalas perkhidmatan kepada PSP/SP untuk permohonan kawalan pemajuan (development control) dan perkhidmatan tambahan lain.

Terdapat dua jenis Perkhidmatan Utama iaitu :-

- i. e Permohonan
- ii. e Permintaan Perkhidmatan

Untuk melaksana tugas **e-Proses Permohonan** untuk memproses kawalan pemajuan adalah dengan akses **sistem e-Permohonan**.

Untuk melaksanan tugas **e-Proses Permintaan** untuk Perkhidmatan Tambahan Lain seperti Notis Memulakan Pembinaan dan sebagainya adalah dengan menggunakan sistem **e-Permintaan Perkhidmatan**.

### 3.1 e-Permohonan

Untuk e Proses Permohonan, AT Dalaman hendaklah akses melalui pautan e Permohonan. e Permohonan ini adalah untuk menerima permohonan dari e Permohonan yang dilakukan oleh PSP/SP dan diedar oleh Urusetia OSC kepada Agensi Teknikal Dalaman yang memproses.

#### a. Mengenai Perkhidmatan Ini

Perkhidmatan ini membolehkan AT Dalaman untuk melakukan tugas memproses permohonan (peringkat 2 hingga 4 ) seperti berikut :-

- 3.1.1 Proses Permohonan
- 3.1.2 Lawatan Tapak
- 3.1.3 Ulasan AT Dalaman
- 3.1.4 Penyediaan Kertas Kerja.
- 3.1.5 Pengesahan Kertas Kerja dan Peringkat Seterusnya.

### Modul 3 : AT Dalaman

Dalam sistem **OSC Online** terdapat kemudahan untuk **Tiga Peringkat Semakan** untuk AT Dalaman memproses permohonan. Tugas untuk Penyemak 1, 2 dan 3 bergantung kepada keperluan penyemak di PBT.

Dalam masa yang sama terdapat keperluan untuk fungsi Pemeriksa dan Pengulas untuk AT Dalaman lain untuk proses Lawatan Tapak dan Ulasan AT Dalaman.

Pengguna-pengguna Penyemak, Pemeriksa dan Pengulas adalah peranan yang akan ditetapkan di dalam Sistem **OSC Online** untuk digunakan oleh seorang atau ramai pengguna.

Peringkat untuk memproses permohonan adalah seperti berikut :-

- i) Apabila system ditetapkan untuk 1 peringkat, pemprosesan akan dilaksanakan oleh Penyemak Ketiga ( Akhir ) sahaja.
- ii) Apabila system ditetapkan untuk 2 peringkat, pemprosesan akan dilaksanakan oleh Penyemak Pertama dan Ketiga ( Akhir ) sahaja.
- iii) Apabila system ditetapkan untuk 3 peringkat, pemprosesan akan dilaksanakan oleh Penyemak Pertama, Kedua dan Ketiga ( Akhir ).

Tugas dibawah 3.1.1 sehingga 3.1.5 adalah tugas yang boleh dilakukan oleh PBT, Sistem akan ditetapkan Penyemak 1, 2 dan 3 untuk dibenarkan untuk melaksanakan tugas mengikut keperluan PBT. Untuk itu, suatu penerangan fungsi ini perlu untuk dibincangkan dengan jabatan sebelum operasi untuk melancarkan operasi mengikut kehendak PBT. Dibawah adalah perincian tugas yang ada untuk pihak PBT.

Tugas-tugas diatas juga bergantung dan tertakluk kepada penggunaan di PBT. Untuk panduan ini, tugas akan diterangkan mengikut keperluan kebanyakan PBT. Sekiranya keperluan berlainan di PBT, pihak PBT perlu untuk memberitahu keperluan tersebut untuk perhatian pihak perunding untuk penyesuaian sistem.

### 3.1.1 Proses Permohonan

#### a. Gambaran Keseluruhan

Proses permohonan untuk AT Dalaman Memproses adalah proses untuk membuat penilaian terhadap permohonan dengan mendapatkan ulasan dari Penyemak 1 & 2 mengikut Senarai Semak Terperinci. Penyemak 1 akan menyelesaikan ulasan dan sistem akan menghantar ke Penyemak 2. Penyemak ke 2 akan menyelesaikan ulasan dan sistem akan dan menghantar ke Penyemak 3. Sewaktu menyelesaikan ulasan, Penyemak 1 atau 2 ( mengikut kehendak PBT) boleh membuat edaran permohonan kepada yang berikut :

1. AT Dalaman lain untuk Ulasan,
2. Pemeriksaan untuk Lawatan Tapak, dan
3. AT Luaran Lain sekiranya perlu ( Selain dari edaran Urusetia OSC ).

Setelah Penyemak 3 menerima permohonan, beliau akan membuat pengesahan untuk ulasan yang dilakukan oleh Penyemak 1 & 2. Terdapat dua pilihan selepas melakukan penilaian:-

1. Sekiranya Penyerahan tidak Mematuhi, Penyemak 3 boleh membuat maklumbalas permohonan kembali kepada PSP/SP untuk membuat Pindaan. Pindaan akan dilaksanakan oleh PSP/SP dan Penyerahan Semula akan dilakukan oleh PSP/SP. (Sekiranya Penyerahan Semula tidak diterima dalam masa yang diperuntukkan, permohonan akan dibatalkan dan Penyerahan Baru perlu dilaksanakan oleh PSP/SP untuk permohonan tersebut).
2. Sekiranya Penyerahan Mematuhi, Penyemak 3 boleh memberi perakuan pada Kertas Kerja (yang dilaksanakan serentak) dengan ulasan untuk ke Peringkat Seterusnya, iaitu Mesyuarat Jawatankuasa.

### 3.1.1.1 Akses Proses Permohonan

Dari **Proses Online 2.3 : Menu Utama**, Sila Klik pada pautan **e-Permohonan** untuk mendapatkan skrin dibawah. Senarai permohonan yang dibuat oleh PSP/SP disusun mengikut turutan ID Permohonan seperti yang dipaparkan di ilustrasi 4 di bawah. Sila pilih pautan permohonan yang dikehendaki melalui ID Permohonan.

Ilustrasi 4: Senarai Permohonan



| ID Permohonan                               | Jenis Permohonan             | ID Projek | Jenis Projek | Peringkat Sekarang (Status) | Diserah Oleh         | Tarikh Diserah     | Tarikh Diserah Semula |
|---|------------------------------|-----------|--------------|-----------------------------|----------------------|--------------------|-----------------------|
| <a href="#">100022-1/MPKY/D/6-31/2011-C</a> | Pelan Bangunan               | 100022    | Projek Biasa | Ulasan AT Dalam (Proses)    | Abd Rashid Bin Oyop  | 27 Jan 2011, 16:04 | 07 Feb 2011, 10:27    |
| <a href="#">100022-3/MPKY/D/6-31/2011-C</a> | Pelan Pembersihan (Sanitari) | 100022    | Projek Biasa | Ulasan AT Dalam (Proses)    | Abd Rashid Bin Oyop  | 27 Jan 2011, 16:19 |                       |
| <a href="#">100019-1/MPKY/D/6-30/2011-C</a> | Pelan Bangunan               | 100019    | Projek Biasa | Ulasan AT Dalam (Proses)    | ZULKEFLI BIN MAT SIN | 27 Jan 2011, 10:50 |                       |
| <a href="#">100030-1/MPKY/D/6-39/2011-B</a> | Pelan Bangunan               | 100030    | Projek Biasa | Ulasan AT Dalam (Proses)    | ZULKEFLI BIN MAT SIN | 07 Feb 2011, 22:27 |                       |
| <a href="#">100030-2/MPKY/D/6-39/2011-B</a> | Permit Sementara Bangunan    | 100030    | Projek Biasa | Ulasan AT Dalam (Proses)    | ZULKEFLI BIN MAT SIN | 07 Feb 2011, 22:29 |                       |
| <a href="#">100056-3/MPKY/D/6-45</a>        | Permit Sementara             | 100056    | Projek       | Ulasan AT                   | ZULKEFLI BIN         | 02 Mar 2011        |                       |

#### Proses Online ( 3.1.1.1 ) Pilihan

- i) **Klik pautan ID Permohonan** untuk menerima permohonan untuk Peringkat Sekarang (Status) dibawah Ulasan AT Dalam (Proses) dan skrin akan bertukar ke tugas seterusnya.


### 3.1.1.2 Pilihan Tugas


Dari Proses 3.1.1, apabila pautan permohonan ditekan, skrin profil permohonan akan tertera seperti ilustrasi 5 dibawah dimana terdapat 3 fungsi yang boleh dibuat iaitu:

- 1) Cetak Profil Projek untuk mencetak Profil Projek.
- 2) Ulasan dengan Senarai Semak untuk melakukan semakan.
- 3) Muat turun dokumen daripada ejen untuk semakan manual, jika perlu.
- 4) Edar Permohonan kepada AT Dalam Lain dan Pemeriksa untuk Lawatan Tapak.




### Ilustrasi 5: Semakan Terperinci





Sistem Web Rasmi  
**e-Pemprosesan**



[Mesej](#) [Selamat Datang, eplandbk121](#) [\[Log Keluar\]](#)

Urusetia OSC
AT Dalam
AT Luaran
Jawatankuasa OSC
Pentadbiran Sistem

**AT Dalam > Semakan Terperinci**

---

**Maklumat Projek**

|                           |  |
|---------------------------|--|
| <b>Pemilik Projek</b>     | : SP Setia Holdings Sdn Bhd.   |
| <b>ID Projek</b>          | : 100098   |
| <b>Nama Projek</b>        | : Projek membangunkan Bangunan Rumah Kedai 3 Tingkat di Lot 23 Jalan Cheras, 45889, Cheras, Kuala Lumpur |
| <b>Tarikh Didaftarkan</b> | : 21/10/2009   |

**Maklumat Permohonan**

|                          |  |
|--------------------------|--|
| <b>ID Permohonan</b>     | : 100098-3   |
| <b>Jenis Permohonan</b>  | : A13-Kebenaran Merancang  |
| <b>Nama Permohonan</b>   | : Permohonan Kebenaran Merancang bagi Projek membangunkan Bangunan Rumah Kedai 3 Tingkat di Lot 23 Jalan Cheras, 45889, Cheras, Kuala Lumpur |
| <b>Diserah Oleh</b>      | : Syarikat Maju Jaya Sdn Bhd   |
| <b>Tarikh Diserahkan</b> | : 30/10/2009, 1:40 AM  |

**Maklumat Pemprosesan**

|                                   |                  |
|-----------------------------------|------------------|
| <b>Tarikh Mula Pemprosesan</b>    | : 30/10/2009     |
| <b>Tarikh Selesai Pemprosesan</b> | : 18/12/2009     |
| <b>Baki Hari Pemprosesan</b>      | : <b>45 Hari</b> |

**Cetak Profil Projek**
**Ulasan dengan Senarai Semak**
**Ulasan tanpa Senarai Semak**
**Kertas Kerja**
**Peringkat Seterusnya**
**Edar Permohonan**

| Bil | Jenis Ulasan  | Daripada             | Maklumbalas Kepada PSP | Dokumen untuk dikemaskini oleh PSP | Tarikh             |
|-----|---|----------------------|------------------------|------------------------------------|--------------------|
| 6   | <a href="#">Template Pengiraan yuran proses mengikut Jadual Pertama UKBS 1986</a>   | Ar. Mohd Yusdi Yusof |                        |                                    | 11 Jan 2011, 15:43 |
| 7   | <a href="#">Pelan hendaklah sama saiz dan dilukis dengan skil metrik.</a>   | Ar. Mohd Yusdi Yusof |                        |                                    | 11 Jan 2011, 15:43 |
| 8   | <a href="#">Carian Rasmi Geran/Suratan Haklilik dari Penusaha Pemegang Tanah : Pastikan Syarat Nyata tanah selaras dengan cadangan pemajuan</a> | Ar. Mohd Yusdi Yusof |                        |                                    | 11 Jan 2011, 15:43 |
| 9   | <a href="#">Gambar Tapak dalam bentuk jpeg/pdf</a>  | Ar. Mohd Yusdi Yusof |                        |                                    | 11 Jan 2011, 15:43 |

13 rekod sahaja. 1

**Ulasan Urusetia OSC**  
Tiada rekod dijumpai

**Ulasan Agensi Teknikal Dalam PBT**  
Tiada rekod dijumpai

**Laporan Lawatan Tapak**

| Bil | Jenis Ulasan                      | Daripada                                     | Maklumbalas Kepada PSP | Dokumen untuk dikemaskini oleh PSP   | Tarikh             |
|-----|-----------------------------------|--|------------------------|--------------------------------------|--------------------|
| 1   | <a href="#">Inspection report</a> | Noritar bt Abd Latiff - JT Bahagian Bangunan | Ya                     | <a href="#">inspectionreport.pdf</a> | 21 Jan 2011, 11:18 |
| 2   | <a href="#">Lawatan Tapak</a>     | Noritar bt Abd Latiff - JT Bahagian Bangunan | Ya                     |                                      | 21 Jan 2011, 11:16 |
| 3   | <a href="#">Lawatan Tapak</a>     | Noritar bt Abd Latiff - JT Bahagian Bangunan | Ya                     |                                      | 21 Jan 2011, 11:15 |

3 rekod sahaja. 1

**Ulasan Agensi Teknikal Luaran**  
Tiada rekod dijumpai

**Kertas Perakuan**

| Bil | Jenis Ulasan | Daripada | Maklumbalas Kepada PSP | Dokumen untuk dikemaskini oleh PSP | Tarikh |
|-----|--------------|----------|------------------------|------------------------------------|--------|
|-----|--------------|----------|------------------------|------------------------------------|--------|

### Proses Online ( 3.1.1.2 )

- i. **Klik** butang **Cetak Profil Projek** untuk mencetak profil projek.
- ii. **Klik** butang **Ulasan dengan Senarai Semak** untuk membuat semakan pertama.
- iii. **Klik** pautan **Nama Dokumen** untuk muat turun dokumen yang diperlukan.
- iv. **Klik** butang **Edar Permohonan** untuk membuat edaran permohonan.

### 3.1.1.3 Semakan Pematuhan (Penyemak Pertama dan Kedua)

#### a. Gambaran Keseluruhan

Sebagai sebuah sistem menyeluruh, sistem ini direka untuk semua jenis tugas di semua peringkat pengguna. Secara keseluruhan, tugas membuat Semakan Pematuhan adalah tugas yang paling penting untuk AT Dalam memproses permohonan untuk pematuhan keperluan-keperluan dan kehendak-kehendak Undang-undang Negara, Negeri dan juga Garispanduan PBT.

Untuk itu, Senarai Semak untuk Semakan Pematuhan AT Dalam adalah yang paling banyak, spesifik kepada keperluan dan kehendak agensi; dan yang paling lama di peruntukan masa untuk memproses permohonan. Disamping itu terdapat 3 penyemak untuk AT Dalam. Senarai Semak AT Dalam merupakan ciri utama semakan pematuhan di peringkat ini dimana senarai adalah:-

- i) Dipiawaikan untuk kefahaman semua pengguna.
- ii) Boleh ditambah untuk keperluan terkini.
- iii) Dibolehkan untuk pertukaran untuk keperluan permohonan semasa ( akan diurus oleh pentadbir ).

Senarai Semak AT Dalam juga merupakan keperluan agensi yang spesifik dimana :-

- i) Keperluan dan kehendak setiap jabatan untuk setiap permohonan di ambil kira.
- ii) Keperluan semakan diperincikan untuk setiap keperluan yang kritikal.

Senarai Semak AT Dalam disemak sehingga 3 penyemak oleh jabatan memproses untuk semakan yang lebih efektif untuk pengkelasan semakan mengikut keperluan PBT di peringkat berikut:

- i) operasi,
- ii) taktikal dan
- iii) strategik.

Untuk itu, hanya Penyemak 1 dan 2 akan membuat Semakan Pematuhan dan Penyemak 3 akan mengesahkan ulasan Penyemak 1 dan 2 , bergantung kepada keperluan PBT.

#### b. Mengenai Perkhidmatan Ini

Sistem ini adalah suatu sistem yang direka untuk memproses permohonan dengan Senarai Semak AT Dalam untuk memenuhi kehendak permohonan kawalan pemajuan.

### Modul 3 : AT Dalaman


Terdapat lima (5) jenis tugas untuk setiap semakan terperinci dalam Semak Senarai AT Dalaman iaitu :-

- a) Ulasan Dengan Senarai Semak atau Ulasan Tanpa Senarai Semak
- b) Kriteria Tambahan
- c) Ringkasan Ulasan
- d) Menandakan Dokumen Tidak Patuhi
- e) Hantar ke Peringkat Seterusnya.

Setelah pengguna klik pada navigasi Ulasan Senarai Semak di ilustrasi 5, ilustrasi 6 seperti di bawah akan dipaparkan. Sila beri ulasan dan tandakan status kriteria yang telah ditetapkan samada ia “Tidak Berkaitan”, “Tidak Dipatuhi” atau “Dipatuhi”.

Sekiranya ulasan dan status telah diberikan dan memenuhi syarat tekan butang “Dipatuhi & Seterusnya”. Sekiranya status kriteria tidak dipenuhi tekan butang “Seterusnya”. Kriteria

*Ilustrasi 6: Senarai Semak Pematuhan*



The screenshot shows a web browser window titled "One Stop Center - OSC Online - Mozilla Firefox". The URL is <http://219.95.163.69:8086/osc/ATDalaman/compliancechecklist.form?StaffNo=820706465868&ProjectID=100022&ServiceID=29&CheckListType=Dalaman&ServiceID=29>. The form displays the following information:

- Senarai Semak Pematuhan**
- ID Projek : 100022
- Jenis Permohonan : Pelan Bangunan
- Peringkat Pemeriksaan : Ulasan Peringkat Pertama
- Nombor Kriteria (Tidak Dipatuhi) : Tiada
- Kategori Kriteria : Dokumen
- Nombor Kriteria : B 001
- Kriteria : Pelan Kunci
- Dokumen yang tidak dipatuhi :
- Status :  Tidak Berkaitan  Tidak Dipatuhi  Dipatuhi
- Ulasan :

At the bottom of the form, there are buttons: "Sebelum", "Dipatuhi & Seterusnya", "Seterusnya", and "Tamat". A status message indicates "20 kriteria telah lengkap daripada 24 kriteria". There are also links for "Tambah Kriteria Tambahan" and "Lihat Senarai Semak Pematuhan".

Annotations on the screenshot:

- i**: Points to the "Dokumen yang tidak dipatuhi" dropdown menu.
- ii**: Points to the "Ulasan" text input field.
- iii**: Points to the "Dipatuhi & Seterusnya" button.
- iv**: Points to the "Tambah Kriteria Tambahan" link.
- v**: Points to the "Dokumen yang tidak dipatuhi" dropdown menu.
- vi**: Points to the "Lihat Senarai Semak Pematuhan" link.

disemak hingga selesai kesemuanya dan tekan butang “Tamat” dan skrin di ilustrasi 6 seperti di bawah.


### Proses Online ( 3.1.1.3 ) b

- i. **Klik** butang **Tidak Berkaitan, Tidak Dipatuhi** atau **Dipatuhi**.
- ii. **Klik** butang **Dipatuhi & Seterusnya** sebagai butang cepat untuk pematuhan.
- iii. **Klik** butang **Seterusnya** sekiranya status kriteria tidak dipenuhi.
- iv. **Klik** butang **Tambah Kriteria Tambahan** untuk menambah Kriteria seperti dalam Process c dibawah.
- v. **Klik** pada **dropdown Dokumen yang tidak Dipatuhi** untuk menanda dokumen yang tidak dipatuhi seperti di Process e dibawah.
- vi. **Klik** pada pautan Lihat Senarai Semak Pematuhan untuk melihat ringkasan status dan ulasan seperti di Proses d dibawah.

### c) Kriteria Tambahan

Di dalam senarai semakan pematuhan seperti di Ilustrasi 6 terdapat fungsi untuk **Kriteria Tambahan**. Sekiranya kriteria yang telah disediakan tidak mencukupi dan perlu ditambah, klik pada navigasi ini seperti di ilustrasi 7 di bawah.

*Ilustrasi 7: Kriteria Tambahan*



One Stop Center - OSC Online - Mozilla Firefox

http://219.95.163.69:8086/osc/ATDalaman/additionalrequirements.form?ServiceID=29&ChecklistType=Dalaman&ProjectID=100022&ServiceNo=1&StaffNo=8207

Kriteria Tambahan

ID Permohonan : 100022 - 1

Jenis Senarai Semak : Ulasan Dalaman

Kategori Kriteria : Ulasan Tambahan

No. Kriteria : E01

Kriteria :

Status :  Tidak Berkaitan  Tidak Dipatuhi  Dipatuhi

Komen :

Daftar Kembali


#### Proses Online ( 3.1.1.3 ) c

- i. Klik butang **Tambah Kriteria Tambahan**, Ilustrasi 8 seperti di atas dipaparkan.
- ii. **Taip** pada **Ruang Kosong** pada Kriteria untuk tambahan.
- iii. Klik butang **Daftar** untuk menambah kriteria tersebut
- iv. Klik butang **Kembali** sekiranya untuk ke halaman sebelumnya

**d) Ringkasan Ulasan**

Di dalam senarai semakan pematuhana seperti di Ilustrasi 6 terdapat fungsi **Lihat Senarai Semak Pematuhan**. Untuk melihat keseluruhan komen-komen untuk kriteria di senarai yang telah disemak daripada kesemua kriteria seperti di ilustrasi 8 di bawah.

*Ilustrasi 8: Lihat Ringkasan Senarai Semak Pematuhan*




**Proses Online ( 3.1.1.3 ) d**

- i. **Klik** butang **Lihat Senarai Semak Pematuhan ( ilustrasi 6)**, Ilustrasi 8 seperti di atas dipaparkan. Sila semak kembali secara keseluruhan.
- ii. **Klik** butang **Tutup** jika senarai semak tidak diperlukan.

**e) Dokumen yang Tidak Dipatuhi**

Setelah menekan dropdown “Dokumen yang tidak dipatuhi” pada ilustrasi 6, sila buat pilihan yang diberi untuk menanda dokumen yang perlu diubah seperti dibawah akan

**Ilustrasi 9 : Skrin Fail yang Perlu Diubah**



tertera.


**Proses Online ( 3.1.1.3 ) e : Pilih Dokumen**

- i. Klik pada **dropdown Dokumen yang tidak Dipatuhi** dan Klik pada pautan **Dokumen** untuk menandakan fail yang perlu diubah.

**f) Hantar ke Peeringkat Seterusnya**

Dari ilustrasi dibawah setelah selesai membuat semakan kriteria, menambah kriteria yang perlu dan menyemak dengan ringkasan senarai semak, anda dikehendaki untuk menekan butang Tamat untuk menyelesaikan semakan dan menghantar semakan kepenyemak seterusnya.


*Ilustrasi 10 : Skrin Senarai Semak*



**Proses Online ( 3.1.1.3 ) g**

- i. **Klik** butang **Tamat** untuk menamatkan Ulasan dan semakan kriteria.
- ii. Klik pada butang Tutup untuk skrin dibawah untuk membuat penghantara kepada Penyemak Seterusnya ( Penyemak 1 ke Penyemak 2 ) dan Penyemak 2 ke Penyemak 3)

*Ilustrasi 11: Tamat Semakan*






### 3.1.1.4 Edaran untuk Ulasan dan Laporan Lawatan Tapak

#### a) Edaran untuk Ulasan dari AT Dalaman Lain

Dari ilustrasi 5 terdapat fungsi **Edaran Permohonan**. Untuk membuat Edaran kepada AT Dalaman Lain untuk ulasan teknikal, anda perlu tekan butang Edaran Permohonan untuk melihat halaman seperti di ilustrasi 11 di bawah.

Disini anda boleh melakukan edaran kepada AT Dalaman Lain untuk ulasan teknikal dengan menekan butang jabatan seperti dalam kotak merah dibawah dan tekan butang bilangan untuk peringkat ulasan dibawahnya.

*Ilustrasi 12: Skrin Halaman Edar Permohonan*




#### Proses Online ( 3.1.1.4 ) a

- i. **Klik** butang **Edaran Permohonan** pada ilustrasi 5, Ilustrasi 11 seperti di atas dipaparkan.
- ii. **Klik** butang **Agensi** untuk membuat edaran kepada AT dalaman lain yang diperlukan.
- iii. Sekiranya tiada Laporan Tapak diperlukan, sila **klik** butang **Hantar**. Sekiranya Laporan Tapak diperlukan, sila terus ke arahan seterusnya 3.1.1.4 b.

Modul 3 : AT Dalaman

Untuk menghantar mesej kepada AT Dalaman untuk mengulas, Sila taip mesej anda didalam kotak Mesej ke AT Dalaman seperti di dalam kotak merah dibawah.

*Ilustrasi 13 : Skrin Halaman Edar Permohonan*



**Proses Online ( 3.1.1.4 ) a**


- iv. **Taip** pada kotal **Mesej ke AT Dalaman** untuk menghantar mesej kepada AT Dalaman.

## b) Edaran untuk Lawatan Tapak

Dari ilustrasi 5 terdapat fungsi **Edaran Permohonan**. Untuk membuat Edaran kepada jabatan anda untuk Laporan Lawatan Tapak, anda perlu tekan butang Edaran Permohonan untuk melihat halaman seperti di ilustrasi 13 di bawah.

Disini anda boleh melakukan edaran kepada Pemeriksa untuk Laporan Lawatan Tapak dengan menekan butang pemeriksa seperti dalam kotak merah dibawah.

*Ilustrasi 14: Skrin Halaman Edar Permohonan*




### Proses Online ( 3.1.1.4 ) b

- i. **Klik** butang **Edaran Permohonan** pada ilustrasi 5, Ilustrasi 13 seperti di atas dipaparkan.
- ii. **Klik** butang **Pemeriksa** untuk membuat edaran kepada pemeriksa Laporan Lawatan Tapak yang diperlukan.
- iii. **Klik** butang **Hantar** untuk membuat penghantaran sekiranya tiada edaran untuk AT Luaran atau terus ke arah 3.1.1.4 c.

### Modul 3 : AT Dalaman

Untuk menghantar mesej kepada Pemeriksa Lawatan Tapak untuk membuat lawatan tapak, Sila taip mesej anda didalam kotak Mesej untuk Lawatan Tapak seperti di dalam kotak merah dibawah.

*Ilustrasi 14: Skrin Halaman Edar Permohonan*



The screenshot shows a web browser window titled 'One Stop Center - OSC Online - Mozilla Firefox'. The URL is <http://219.95.163.69:8086/osc/ATDalaman/internalrequestconfirmation.page?serviceID=31&serviceStageID=118&currentStage=2&ProjectID=100022&Departme>. The page content is as follows:

**Laporan Lawatan Tapak**  
Permintaan dihantar kepada Agensi Teknikal(AT) di bawah

**Jabatan**

- Bahagian Bangunan- (Noritar bt Abd Latiff)
- Bahagian Bangunan- (Mohd Suffian Bin Sukarman)

2 rekrd sahaja. 1

**Mesej untuk Lawatan Tapak :**

**Agensi Teknikal Luaran**

**Nama Agensi**

- Pegawai Tanah Dan Daerah Kuantan
- Jabatan Bekalan Air Negeri Pahang
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Pahang
- Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang
- Indah Water Konsortium
- Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pahang
- Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pahang
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia
- Tenaga Nasional Berhad
- Jabatan Alam Sekitar Pahang
- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia

12 rekod sahaja. 1

Hantar

### Proses Online ( 3.1.3 ) b

- iv. **Taip** pada **mesej untuk Lawatan Tapak** untuk mesej kepada Pemeriksa Lawatan Tapak.


## Modul 3 : AT Dalaman

### c. Edaran untuk AT Luaran

Dari ilustrasi 5 terdapat fungsi **Edaran Permohonan**. Untuk membuat Edaran kepada AT Luaran jika perlu, untuk Ulasan, anda perlu tekan butang Edaran Permohonan untuk melihat halaman seperti di ilustrasi 15 di bawah.

Disini anda boleh melakukan edaran kepada AT Luaran untuk Ulasan AT Luaran dengan menekan butang jabatan seperti dalam kotak merah dibawah.

*Ilustrasi 15 : Skrin Halaman Ulasan tanpa Senarai Semak*



### Proses Online ( 3.1.1.4 ) c

- i. **Klik** butang **Edaran Permohonan** pada ilustrasi 5, Ilustrasi 15 seperti di atas dipaparkan.
- ii. **Klik** butang AT Luaran untuk membuat edaran kepada AT Luaran ( jika perlu).
- iii. **Klik** butang **Hantar** untuk membuat penghantaran sekali dengan permintaan untuk ulasan AT Dalaman lain dan Laporan Lawatan Tapak.

### 3.1.1.5 Pengesahan Semakan (Penyemak 3 )

Pengesahan Semakan ini adalah untuk semakan penamat setelah semakan pertama dan/atau kedua telah dilaksanakan. Fungsi-fungsi yang ada untuk tugas-tugas adalah sama seperti tugas Semakan Pertama dan Semakan Kedua dengan tambahan Maklumbalas Kepada PSP/SP dan Edaran ke Peringkat Seterusnya.

#### a) Profil Permohonan

Disini maklumat profil permohonan akan tertera seperti ilustrasi 16 dibawah dimana terdapat 3 fungsi yang sama seperti ilustrasi 5 dan 10 diatas dan 3 fungsi Tambahan.

1. **Cetak Profil** Projek untuk mencetak Profil Projek.
2. Semak Senarai Pematuhan dengan **Ulasan Dengan Senarai Semak** atau **Ulasan Tanpa Senarai Semak** untuk melakukan semakan.
3. Muat turun dokumen daripada ejen untuk semakan manual, jika perlu.
4. **Maklumbalas kepada PSP/SP**
5. **Hantar** ke Peringkat Seterusnya

### Modul 3 : AT Dalaman

Dibawah adalah halaman utama untuk Penyemak 3, selepas memasuki sistem OSC Online dan membuat pilihan permohonan untuk diproses.

*Ilustrasi 16: Semakan Terperinci, Semakan Ketiga*



The screenshot displays the 'e-Pemrosesan' system interface. At the top, there is a navigation bar with icons for 'Urusetia OSC', 'AT Dalaman', 'AT Luaran', 'Jawatankuasa OSC', 'Jawatankuasa Teknikal', and 'Pentadbiran Sistem'. The main content area is titled 'AT Dalaman > Kertas Perakuan' and contains several sections:

- Maklumat Projek:** A table with the following data:
 

| Profil Projek                    |   |
|----------------------------------|---|
| Pemilik Projek                   | : EUPE KEMAJUAN   |
| ID Projek                        | : 100005  |
| Nama Projek                      | : cadangan membina 100 buah rumah teres di lot pt 5250 di mukim utara |
| Tarikh Didaftarkan               | : 30/11/2010  |
| Kategori Projek                  | : Projek Biasa  |
| Skala Projek                     | :   |
| Projek dengan Rancangan Tempatan | : Tidak   |
| Projek dengan Rancangan Struktur | : Tidak   |
- Maklumat Permohonan:** A table with the following data:
 

|                           |  |
|---------------------------|--|
| ID Permohonan             | : 100005-2   |
| Jenis Permohonan          | : A13-Kebenaran Merancang  |
| Jenis Permohonan Diproses | : Kebenaran Merancang  |
| Nama Permohonan           | : cadangan Kebenaran Merancang untuk cadangan membina 100 buah rumah teres di lot pt 5250 di mukim utara |
| Diserah Oleh              | : gempur wira sdn. bhd.  |
| Tarikh Diserahkan         | : 30/11/2010, 10:31 AM   |
- Maklumat Pemrosesan:** A table with the following data:
 

|                           |              |
|---------------------------|--------------|
| Tarikh Mula Pemrosesan    | : 30/11/2010 |
| Tarikh Selesai Pemrosesan | : 21/02/2011 |
| Baki Hari Pemrosesan      | : 77 Hari    |

Below these sections are several buttons: 'Cetak Profil Projek', 'Ulasan dengan Senarai Semak', 'Ulasan tanpa Senarai Semak', 'Laporan Tapak', 'Kertas Perakuan', and 'Peringkat Seterusnya'. At the bottom, there is a 'Dokumen(Diserah oleh PSP)' section with a table:

| Jenis Dokumen   | Daripada | Tarikh             |
|---|----------|--------------------|
| <a href="#">Salinan Digital Borang Semakan permohonan Kebenaran Perancangan</a> | diana    | 30 Nov 2010, 10:22 |

#### Proses Online ( 3.1.1.5 ) a


- i. **Klik** butang **Cetak Profil Projek** untuk mencetak profil projek.
- ii. **Klik** butang **Ulasan dengan Senarai Semak** untuk membuat semakan pertama.
- iii. **Klik** pautan **Nama Dokumen** untuk muat turun dokumen yang diperlukan.

## b) Senarai Semak Pematuhan

Setelah pengguna klik pada navigasi Ulasan Senarai Semak di **ilustrasi 16**, **ilustrasi 17** seperti di bawah akan dipaparkan. Sila beri ulasan dan tandakan status kriteria yang telah ditetapkan samada ia “Tidak Berkaitan”, “Tidak Dipatuhi” atau “Dipatuhi”. Sekiranya ulasan dan status telah diberikan dan memenuhi syarat tekan butang “Dipatuhi & Seterusnya”. Sekiranya status kriteria tidak dipenuhi tekan butang “Seterusnya”. Kriteria disemak hingga selesai kesemuanya dan tekan butang “Tamat” dan skrin di ilustrasi 17 seperti di bawah akan dipaparkan.

Skrin ini sama secara amnya dengan skrin ilustrasi 16 diatas, tetapi dengan ulasan yang diberi oleh penyemak pertama dan kedua dan barisan medan Sejarah Tidak Dipatuhi akan tertera untuk memberi maklumat kepada Penyemak Ketiga akan proses yang telah dibuat

*Ilustrasi 17: Senarai Semak Pematuhan Semakan Ketiga*



**Kategori Kriteria** : Dokumen  
**Nombor Kriteria** : B 001  
**Kriteria** : Pelan Kunci

**Dokumen yang tidak dipatuhi** : -Pilih-

**Status** :  Tidak Berkaitan  Tidak Dipatuhi  Dipatuhi

**Ulasan**

**Ulasan Pemeriksaan Pertama**  
**Ulasan Pemeriksaan Kedua**

Sebelum

24 kriteria telah lengkap daripada 24 kriteria

[Tambah Kriteria Tambahan](#) [Lihat Senarai Semak Pematuhan](#)

| Tarikh            | Peringkat Pemeriksaan        | Tidak Dipatuhi | Diperiksa Oleh        |
|-------------------|------------------------------|----------------|-----------------------|
| 18 Jan 2011 11:55 | Ulasan Peringkat 0 - Pertama |                | Noritar bt Abd Latiff |
| 21 Jan 2011       | Ulasan Peringkat 0 - Kedua   |                | Norkamawati bt Kamal  |



terdahulu.


#### Proses Online ( 3.1.1.5 ) b

- xv. **Klik** butang **Tidak Berkaitan, Tidak Dipatuhi** atau **Dipatuhi**.
- xvi. **Klik** butang **Dipatuhi & Seterusnya** sebagai butang cepat untuk pematuhan.
- xvii. **Klik** butang **Seterusnya** sekiranya status kriteria tidak dipenuhi.
- xviii. **Klik** butang **Tambah Kriteria Tambahan** untuk menambah Kriteria seperti dalam Process c dibawah.
- xix. **Klik** pada **dropdown Dokumen yang tidak Dipatuhi** untuk menanda dokumen yang tidak dipatuhi seperti di Process e dibawah.
- xx. **Klik** pada pautan **Lihat Senarai Semak Pematuhan** untuk melihat ringkasan status dan ulasan seperti di Proses d dibawah.

### c) Kriteria Tambahan

Di dalam senarai semakan pematuhan seperti di Ilustrasi 17 terdapat fungsi untuk **Kriteria Tambahan**. Sekiranya kriteria yang telah disediakan tidak mencukupi dan perlu ditambah, klik pada navigasi ini seperti di ilustrasi 18 di bawah.

*Ilustrasi 18: Kriteria Tambahan Semakan Ketiga*




#### Proses Online ( 3.1.1.5 ) c

- i. **Klik** butang **Tambah Kriteria Tambahan** pada ilustrasi 17, Ilustrasi 18 seperti di atas dipaparkan.
- ii. **Taip** pada **Ruang Kosong** pada Kriteria untuk tambahan.
- iii. **Klik** butang **Daftar** untuk menambah kriteria tersebut
- iv. **Klik** butang **Kembali** sekiranya untuk ke halaman sebelumnya.

### d) Senarai Semak Pematuhan

Setelah menekan “Lihat Senarai Semak Pematuhan” untuk membuat semakan terakhir, skrin seperti dibawah akan tertera. Terdapat Status dan Komen/Ulasan Penyemak 1 & 2 tertera.



| No Kriteria | Kriteria  | Status          | Komen Pertama | Komen Kedua | Komen Terakhir | Dokumen untuk dikemaskini |
|-------------|---|-----------------|---------------|-------------|----------------|---------------------------|
| B 001       | Pelan Kunci   | Dipatuhi        |               |             |                |                           |
| B 002       | Salinan surat kebenaran merancang yang masih sah termasuk surat perlanjutan (jika berkaitan).   | Tidak Berkaitan |               |             |                |                           |
| B 003       | Pelan Tapak & Lokasi  | Dipatuhi        |               |             |                |                           |
| B 004       | Salinan surat kebenaran merancang yang masih sah termasuk surat perlanjutan (jika berkaitan).   | Tidak Berkaitan |               |             |                |                           |
| B 005       | BANGUNAN Warisan - (b) Cadangan kerja pindaan/tambahan hendaklah mematuhi kehendak-kehendak Garis panduan PBT   | Tidak Berkaitan |               |             |                |                           |
| B 006       | BANGUNAN Warisan - (a) Salinan kelulusan dalam bentuk pdf diperlukan untuk bangunan sedia ada yang telah dikenalpasti sebagai bangunan warisan  | Tidak Berkaitan |               |             |                |                           |
| B 007       | Kehendak PBT mengenai kawalan pembuangan sampah hendaklah dipatuhi dan dinyatakan di atas pelan   | Dipatuhi        |               |             |                |                           |
| B 008       | Kemudahan untuk orang kurang upaya (OKU) seperti ramp, landas dan sebagainya hendaklah disediakan dan ditunjukkan di atas pelan mengikut peruntukan dalam Undang-undang Kecil Bangunan Seragam/Garis panduan PBT. | Tidak Berkaitan |               |             |                |                           |

**Ilustrasi 19: Skrin Ringkasan Senarai Semak**

#### Proses Online ( 3.1.1.5 ) d : Maklumbalas


- i. **Klik pada butang** Lihat Senarai Semak Pematuhan, ilustrasi 19 akan tertera. Sila semak dan kembali ke halaman sebelumnya.
- ii. **Klik pada butang “Tutup”** untuk menutup ringkasan semakan.

Nota : Proses Diatas dan Proses Online Process 3.1.2.1 adalah sama tetapi ada penambahan ruang kolom untuk penyemak sebelumnya untuk rujukan penyemak ketiga.

**e) Dokumen yang Tidak Dipatuhi**

Setelah menekan “Dokumen yang tidak dipatuhi” arahan untuk memuatnaik kembali dokumen yang perlu diubah seperti dibawah akan tertera.

**Ilustrasi 20: Skrin Fail yang Perlu Diubah**




**Proses Online ( 3.1.1.5 ) e**

- i. **Klik** pada kotak kosong dibawah **Fail yang Perlu Diubah** untuk menandakan fail yang perlu diubah.
- ii. **Klik** pada butang “**Hantar**” untuk menghantar arahan. Mesej tutup akan diberi. Sila Klik pada butang tutup untuk menamatkan proses.

### 3.1.1.6 Maklumbalas Kepada PSP/SP

Setelah selesai membuat semakan kriteria, menambah kriteria yang perlu, menanda dokumen yang perlu dipinda dan menyemak dengan ringkasan senarai semak, jika terdapat ketidak patuhan keperluan, anda dikehendaki untuk membuat maklumbalas kepada PSP/SP dengan menekan butang tamat di skrin dibawah. Setelah itu, skrin seperti di ilustrasi 22 akan tertera.

*Ilustrasi 21 : Skrin Senarai Semak*



24 kriteria telah lengkap daripada 24 kriteria

[Tambah Kriteria](#) [Lihat Senarai Semak Pematuhan](#)


| Tarikh            | Peringkat Pemeriksaan        | Tidak Dipatuhi | Diperiksa Oleh        |
|-------------------|------------------------------|----------------|-----------------------|
| 18 Jan 2011 11:55 | Ulasan Peringkat 0 - Pertama | -              | Noritar bt Abd Latiff |
| 21 Jan 2011       | Ulasan Peringkat 0 - Kedua   | -              | Norkamawati bt Kamal  |

### Proses Online ( 3.1.1.6 ) : Maklumbalas

- i) Klik butang **Tamat** untuk menamatkan Ulasan dan semakan kriteria.

Setelah anda menekan butang “Tamat” di ilustrasi 21, anda dikehendaki untuk menekan butang cetak untuk menghabiskan penghantaran ulasan dan semakan kepada PSP/SP. Ini adalah perbezaan antara semakan ketiga dengan semakan pertama dan kedua.


### Ilustrasi 22 : Skrin Tutup Semakan



#### Proses Online ( 3.1.1.6 )

- ii) **Klik** butang **Berhenti Masa Memproses** untuk memberhentikan masa memproses.
- iii) **Klik** butang **Batal Permohonan** untuk membatalkan permohonan selepas PSP/SP tidak membalas dalam masa yang diperuntukkan.
- iv) **Klik** butang **Hantar** untuk membuat penghantaran kepada PSP/SP surat ketidak patuhan permohonan.
